



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KESALINGHUBUNGAN DIGITAL MENYELURUH BAGI MENDEPANI NORMA BAHARU PASCA COVID-19

Kesalinghubungan digital merupakan satu aspek yang cukup penting dalam kehidupan seharian rakyat, lebih-lebih lagi ketika negara kita sedang berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19. Dengan adanya kesalinghubungan digital yang baik dan menyeluruh, ia bukan sahaja memudahkan rakyat melakukan aktiviti seharian mereka bahkan juga membantu menggerakkan semula ekonomi negara dan membolehkan rakyat menjalani kehidupan seperti sedia kala.

Semalam saya telah mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil dari pelbagai Kementerian dan agensi seperti Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM), Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), serta syarikat-syarikat telekomunikasi (Celcom, Digi, Maxis, U Mobile, Telekom Malaysia Berhad, TIME dan YTL Communications) berhubung perkara tersebut.

Mesyuarat tersebut bertujuan untuk mencari jalan terbaik supaya infrastruktur digital negara dapat ditambahbaik dari segi liputan, kualiti dan tahap kemampuan bagi membantu rakyat, para peniaga dan semua yang terbabit supaya mereka dapat terus menjalankan kehidupan dan perniagaan mereka dengan lebih baik lanjutan daripada langkah-langkah pencegahan dan wabak COVID-19 ini.

Selain daripada itu, penambahbaikan infrastruktur digital juga dapat membantu ekonomi negara, kerana ianya akan melibatkan pelbagai pelaburan, selain memberi peluang pekerjaan kepada rakyat.

Saya mendapati bahawa perlu penekanan kepada sektor pendidikan di mana terdapat keperluan kepada pelajar dan mahasiswa untuk meneruskan pengajian mereka di luar ruang persekolahan atau kampus mereka. Dalam perkara ini, akses kepada perkhidmatan jalur lebar yang berkualiti dan mampu milik adalah amat penting.

Selain daripada itu, pendigitalan sektor PKS juga adalah penting memandangkan sektor ini mewujudkan peluang pekerjaan dan penyumbang utama ekonomi negara. Usaha-usaha dalam e-dagang juga perlu dipertingkatkan supaya semua golongan

masyarakat dapat mengambil peluang dan pasaran baharu yang terbuka luas dalam ekonomi digital ini, terutama setelah wabak COVID-19 melanda.

Antara faktor pendorong kejayaan ekonomi digital juga adalah aspek perlindungan pengguna. Kita harus mengambil serius isu-isu yang telah dibangkitkan oleh para pengguna semenjak sekian lama, seperti isu bil, liputan dan sebagainya. Mesyuarat bersetuju supaya satu pendekatan yang menyeluruh perlu diambil oleh para pengendali perkhidmatan bagi memastikan hak pengguna sentiasa terbela.

Mesyuarat tersebut juga bersetuju bahawa pentingnya muafakat dan kerjasama pelbagai pihak, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kerajaan negeri, selain agensi-agensi lain seperti Jabatan Kerja Raya dan sebagainya bagi membantu memudahcara pembinaan infrastruktur digital ini supaya ianya dapat dibina dengan lebih cepat dan menyeluruh. Kerjasama erat ini adalah amat penting bagi membantu dalam usaha penambahluasan rangkaian gentian fiber optik, 3G dan 4G, sekaligus mengurangkan jurang digital, selain mempertingkatkan tahap persaingan di peringkat negeri.

Saya menyambut baik saranan dan cadangan yang telah dibangkitkan di dalam mesyuarat tersebut dan akan memastikan perkara-perkara tersebut dapat diselesaikan melalui persefahaman bersama di pelbagai platform.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
23 MEI 2020